



DELEUM

KOD TATAKELAKUAN PERNIAGAAN

NO. PINDAAN: 2

DILULUSKAN OLEH LEMBAGA PENGARAH PADA 23 FEBRUARI 2022

REKOD PINDAAN

Rekod pindaan ini hendaklah disimpan untuk mengenal pasti perubahan yang dibuat terhadap dasar ini. Ketua Jabatan Pematuhan Korporat & Risiko hendaklah mengesahkan rekod pindaan ini.

No. Pindaan	Tarikh Pindaan	No. Muka Surat	Butiran Pindaan	Pengesahan
1	23/05/2019	10/12	Kemas kini untuk menukarkan klausa Peluang Sama Rata kepada klausa Hak Asasi Manusia	Pengurus Risiko Kumpulan
2	23/02/2022	Semua	Kemas kini Kod Tatakelakuan Perniagaan (COBC) sedia ada – format dan isi kandungan	Ketua Jabatan Pematuhan Korporat & Risiko

(Ruang selebihnya pada halaman ini sengaja dibiarkan kosong)

Isi Kandungan

1. PENGENALAN	8
2. STANDARD KELAKUAN	9
3. PEMATUHAN UNDANG-UNDANG DAN DASAR, PROSEDUR, GARIS PANDUAN DAN PERATURAN	9
4. NILAI-NILAI TERAS DAN ETIKA PERNIAGAAN	10
4.1. INTEGRITI.....	10
4.1.1. ANTISOGOKAN DAN ANTIRASUAH	10
4.1.2. HADIAH DAN HOSPITALITI.....	11
4.1.3. DERMA DAN TAJAAN	12
4.1.4. PEMILIHAN, PENGLIBATAN DAN PENGURUSAN PIHAK KETIGA.....	12
4.1.5. INTEGRITI KEWANGAN, PROSEDUR SERTA KAWALAN DALAMAN.....	13
4.1.6. AKTIVITI POLITIK.....	13
4.1.7. PENCEGAHAN PENGUBAHAN WANG HARAM DAN PENCEGAHAN KEGANASAN.....	14
4.1.8. KONFLIK KEPENTINGAN	15
4.1.9. ASET KORPORAT	16
4.1.10. MAKLUMAT SULIT	16
4.1.11. HARTA INTELEK.....	17
4.1.12. PRIVASI DAN PERLINDUNGAN DATA	18
4.1.13. ANTIPERSAINGAN.....	18
4.1.14. PENDEDAHAN AWAM.....	18
4.1.15. KEWAJIPAN MEMBUAT PENDEDAHAN	19
4.2. PROFESIONALISME	20
4.2.1. HAK ASASI MANUSIA	20
4.2.2. GANGGUAN	20
4.3. KELESTARIAN	21
4.3.1. KESIHATAN, KESELAMATAN DAN ALAM SEKITAR.....	21
4.3.2. DASAR PENYALAHGUNAAN BAHAN	21
4.4. KECEMERLANGAN.....	22
4.4.1. TANGGUNGJAWAB TERHADAP PELANGGAN DAN PRINSIPAL	22
5. PROSES TATATERTIB DAN HUKUMAN.....	23
5.1. AKIBAT PELANGGARAN COBC.....	22
6. PENAMBAHBAIKAN BERTERUSAN	24
6.1. SEMAKAN SEMULA.....	24

DEFINISI

Istilah	Definisi
<i>Akta Pencegahan Pengubahan Wang Haram, Pencegahan Pembiayaan Keganasan dan Hasil daripada Aktiviti Haram 2001</i>	<i>Suatu Akta untuk mengadakan peruntukan bagi kesalahan pengubahan wang haram, langkah-langkah yang hendaklah diambil bagi mencegah pengubahan wang haram dan kesalahan membiayai keganasan; dan untuk mengadakan peruntukan bagi pelucuthakan harta yang terlibat dalam atau yang diperoleh daripada kesalahan pengubahan wang haram dan membiayai keganasan, serta harta pengganas, hasil daripada aktiviti haram dan peralatan kesalahan, dan bagi perkara-perkara yang bersampingan atau berkaitan dengannya.</i>
<i>Akta Persaingan 2010</i>	<i>Suatu Akta untuk menggalakkan pembangunan ekonomi dengan menggalakkan dan melindungi proses persaingan, dan dengan demikian itu melindungi kepentingan pengguna dan untuk mengadakan peruntukan bagi perkara yang berkaitan dengannya.</i>
<i>Suapan</i>	<i>Ditakrifkan oleh Akta Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia 2009 sebagai:</i> <ul style="list-style-type: none"><i>a) Wang, derma, hadiah, pinjaman, yuran, ganjaran, cagaran berharga, harta atau kepentingan mengenai harta, iaitu apa-apa jenis harta, sama ada alih atau tak alih, faedah kewangan, atau apa-apa manfaat seumpama itu yang lain;</i><i>b) Apa-apa jawatan, pangkat, pekerjaan, kontrak pekerjaan atau perkhidmatan, dan perjanjian untuk memberi pekerjaan atau perkhidmatan dalam apa jua kapasiti;</i><i>c) Apa-apa bayaran, pelepasan, penunaian atau penyelesaian mana-mana pinjaman, obligasi atau liabiliti lain, sama ada secara keseluruhan atau sebahagian daripadanya;</i><i>d) Apa-apa jenis balasan berharga, apa-apa diskaun, komisen, rebat, bonus, potongan atau peratusan;</i><i>e) Apa-apa perbuatan menahan diri daripada menuntut apa-apa wang atau nilai wang atau benda berharga;</i><i>f) Apa-apa jenis perkhidmatan atau pertolongan lain, termasuk perlindungan daripada apa-apa penalti atau ketidakupayaan yang dikenakan atau yang dikhuatiri atau daripada apa-apa tindakan atau prosiding yang bersifat tatatertib, sivil atau jenayah, sama ada sudah dimulakan atau belum, dan termasuk pelaksanaan atau menahan diri daripada melaksanakan apa-apa hak atau apa-apa kuasa atau tugas rasmi; dan</i><i>g) Apa-apa tawaran, aku janji atau janji, sama ada bersyarat atau tidak bersyarat, untuk memberikan suapan mengikut pengertian mana-mana perenggan (a) hingga (f).</i>

Istilah	Definisi
Hospitaliti	Hospitaliti termasuk, tetapi tidak terhad kepada, layanan baik yang diberikan kepada atau diterima daripada pihak ketiga, termasuk: <ul style="list-style-type: none"> a) Makanan atau minuman b) Penganjuran acara atau aktiviti korporat c) Hiburan individu, terutamanya dalam acara sukan atau acara awam yang lain d) Perbelanjaan perjalanan dan penginapan
<i>Akta Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia 2009</i>	<i>Suatu Akta untuk menubuhkan Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia, untuk membuat peruntukan yang selanjutnya dan lebih baik bagi pencegahan rasuah dan bagi perkara yang perlu tentangnya dan yang berkaitan dengannya.</i>
Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia	Sebuah suruhanjaya bebas yang ditubuhkan di bawah Akta Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia 2009 untuk menyiasat dan mencegah sebarang bentuk rasuah dan salah guna kuasa, serta menasihati dan mendidik orang ramai untuk menentang rasuah.
<i>Pegawai badan awam/Penjawat awam</i>	<i>Mana-mana orang yang menjadi anggota, pegawai, pekerja atau pekhidmat sesuatu badan awam, dan termasuklah anggota pentadbiran, ahli Parlimen, ahli sesuatu Dewan Undangan Negeri, hakim Mahkamah Tinggi, Mahkamah Rayuan atau Mahkamah Persekutuan, dan mana-mana orang yang menerima apa-apa saraan daripada wang awam, dan, jika badan awam itu ialah suatu perbadanan seorang, termasuklah orang yang diperbadankan sebagai perbadanan itu.</i>
<i>Data Peribadi</i>	<i>Ditakrifkan oleh Akta Perlindungan Data Peribadi 2010 sebagai: apa-apa maklumat yang berkenaan dengan transaksi komersial, yang</i> <ul style="list-style-type: none"> <i>a) sedang diproses secara keseluruhannya atau sebahagiannya melalui kelengkapan yang dikendalikan secara automatik sebagai tindak balas kepada arahan yang diberikan bagi maksud itu</i> <i>b) direkodkan dengan niat bahawa ia sepatutnya diproses secara keseluruhannya atau sebahagiannya melalui kelengkapan itu; atau</i> <i>c) direkodkan sebagai sebahagian daripada sistem pemfailan yang berkaitan atau dengan niat bahawa ia sepatutnya menjadi sebahagian daripada sistem pemfailan yang berkaitan</i> <i>yang berhubungan secara langsung atau tidak langsung dengan seorang subjek data, yang dikenal pasti atau boleh dikenal pasti daripada maklumat itu atau daripada maklumat itu dan maklumat lain dalam milikan seorang pengguna data, termasuk apa-apa data peribadi sensitif dan pernyataan pendapat tentang subjek data itu; tetapi tidak termasuk apa-apa maklumat yang diproses bagi maksud suatu perniagaan pelaporan kredit yang dijalankan oleh sesuatu agensi pelaporan kredit di bawah Akta Agensi Pelaporan Kredit 2010.</i>

Istilah	Definisi
<i>Akta Perlindungan Akta Peribadi 2010</i>	<i>Suatu Akta untuk mengawal selia pemprosesan data peribadi dalam transaksi komersial dan untuk mengadakan peruntukan bagi perkara-perkara yang berkaitan dan bersampingan dengannya.</i>
<i>Badan Awam</i>	<p><i>Ditakrifkan oleh Akta Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia 2009 sebagai:</i></p> <ul style="list-style-type: none"> <i>a) Kerajaan Malaysia;</i> <i>b) Kerajaan sesuatu Negeri;</i> <i>c) Mana-mana pihak berkuasa tempatan dan mana-mana pihak berkuasa berkanun yang lain;</i> <i>d) Mana-mana jabatan, perkhidmatan atau perusahaan Kerajaan Malaysia, Kerajaan sesuatu Negeri, atau sesuatu pihak berkuasa tempatan;</i> <i>e) Mana-mana pertubuhan yang didaftarkan di bawah subseksyen 7(1) Akta Pertubuhan 1966;</i> <i>f) mana-mana cawangan sesuatu pertubuhan berdaftar yang ditubuhkan di bawah seksyen 12 Akta Pertubuhan 1966;</i> <i>g) Mana-mana badan sukan yang didaftarkan di bawah seksyen 17 Akta Pembangunan Sukan 1997;</i> <i>h) Mana-mana koperasi yang didaftarkan di bawah seksyen 7 Akta Koperasi 1993;</i> <i>i) Mana-mana kesatuan sekerja yang didaftarkan di bawah seksyen 12 Akta Kesatuan Sekerja 1959;</i> <i>j) Mana-mana pertubuhan belia yang didaftarkan di bawah seksyen 9 Akta Pertubuhan Belia dan Pembangunan Belia 2007;</i> <i>k) Mana-mana syarikat atau syarikat subsidiari yang terhadapnya atau yang dalamnya mana-mana badan awam yang disebut dalam perenggan (a) – (j) mempunyai kawalan atau kepentingan;</i> <i>l) mana-mana pertubuhan, kesatuan, organisasi atau badan yang ditetapkan oleh Menteri dari semasa ke semasa melalui perintah yang disiarkan dalam Warta.</i>
<i>Data Peribadi Sensitif</i>	<p><i>Ditakrifkan oleh Akta Perlindungan Data Peribadi 2010 sebagai:</i></p> <p><i>Apa-apa data peribadi yang mengandungi maklumat tentang kesihatan atau keadaan fizikal atau mental seorang subjek data, pendapat politiknya, kepercayaan agamanya atau kepercayaan lain yang bersifat seumpamanya, pelakuan atau pengatahan pelakuan apa-apa kesalahan olehnya atau apa-apa data peribadi lain yang ditentukan oleh Menteri melalui perintah yang disiarkan dalam Warta.</i></p>

Istilah	Definisi
Jawatankuasa Khas	Jawatankuasa Khas Kumpulan Deleum hendaklah terdiri daripada Pengerusi, Timbalan Pengerusi dan Ketua Pegawai Eksekutif Kumpulan. Walau bagaimanapun, sekiranya mana-mana ahli jawatankuasa ialah subjek atau mempunyai kepentingan dalam perkara yang sedang menunggu kelulusan, maka orang itu hendaklah mengelak daripada membuat keputusan dan peringkat kuasa yang lebih tinggi hendaklah dirujuk.
Pihak Ketiga	Mana-mana individu atau organisasi luar yang mempunyai, atau merancang untuk mengadakan, sesuatu hubungan perniagaan dengan Kumpulan Deleum. Ini termasuk (tetapi tidak terhad kepada) ejen sedia ada atau bakal ejen, wakil, pengantara, rakan usaha sama, pelanggan, perunding, penasihat, kontraktor, subkontraktor, vendor dan penyedia perkhidmatan.
<i>Akta Rasuah U.K. 2010</i>	<i>Suatu Akta di United Kingdom of Great Britain dan Ireland Utara yang membuat peruntukan mengenai kesalahan berkaitan dengan rasuah dan untuk tujuan-tujuan yang berkaitan.</i>
<i>Perisytiharan Hak Asasi Manusia Sejagat (“UDHR”)</i>	<i>Dokumen antarabangsa yang diterima pakai oleh Perhimpunan Agung Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu untuk mengabadikan komitmen hak asasi dan kebebasan asasi semua manusia.</i>
<i>Akta Amalan Rasuah Asing (“FCPA”) Amerika Syarikat</i>	<i>Undang-undang Amerika Syarikat yang digubal untuk melarang amalan menyuap pegawai kerajaan asing oleh kategori orang dan entiti tertentu dengan niat untuk membantu memperoleh atau mengekalkan perniagaan.</i>

KOD ETIKA PERNIAGAAN

1. PENGENALAN

- i. Deleum Berhad (“Deleum”) dan anak-anak syarikatnya, syarikat-syarikat yang berkaitan dan sekutunya (“Kumpulan Deleum atau Kumpulan”) komited untuk mengekalkan nilai-nilai integriti yang tinggi dalam urusan dan pengendalian perniagaannya. Deleum berpegang teguh kepada Nilai-nilai Teras iaitu Integriti, Profesionalisme, Kelestarian serta Kecemerlangan, yang bertujuan untuk menggalakkan ketelusan dan keterbukaan dalam komunikasi, memupuk rasa hormat sesama individu, mencapai standard yang lebih tinggi untuk persekitaran yang selamat dan sihat, dan memacu kecemerlangan sambil berusaha ke arah penambahbaikan yang berterusan.
- ii. Berikut adalah Nilai-nilai Teras Kumpulan:
 - **Integriti** – Hormat-Menghormati, Jujur, Beretika
 - **Profesionalisme** – Akauntabiliti, Kecekapan dan Kerja Berpasukan
 - **Kelestarian** – Gaya Hidup Sihat/Seimbang, Tanggungjawab Sosial, Kelestarian Alam Sekitar
 - **Kecemerlangan** – Kualiti, Pelaksanaan, Ganjaran
- iii. Kumpulan Deleum telah menyediakan Kod Tatakelakuan Perniagaan (Code of Business Conduct atau “COBC”) sebagai panduan kepada semua pengarah dan pekerjanya serta Pihak Ketiga yang bekerjasama dengannya mengenai standard integriti dan kod etika yang perlu dipatuhi ketika melakukan urusan kerja dan amalan perniagaan.
- iv. COBC perlu dipatuhi oleh semua pengarah, pegawai dan pekerja Kumpulan Deleum. Kumpulan tidak membenarkan sebarang tingkah laku yang menyalahi undang-undang atau tidak beretika yang berkaitan dengan mana-mana urusan perniagaannya.
- v. Kumpulan Deleum menghendaki agar semua Pihak Ketiga mematuhi COBC ketika melaksanakan kerja atau perkhidmatan untuk Kumpulan. Kegagalan Pihak Ketiga untuk mematuhi prinsip dan standard yang termaktub dalam COBC boleh mengakibatkan hubungan perniagaan dan komersial dengan Kumpulan Deleum ditamatkan bagi pihak yang tidak mematuhi.
- vi. Semua pengarah, pegawai dan pekerja Kumpulan Deleum dikehendaki membaca dan memahami COBC dan masing-masing bertanggungjawab untuk mematuhi COBC demi menjaga nama baik dan reputasi Kumpulan.
- vii. Sekiranya terdapat sebarang keraguan, pihak-pihak berikut mesti dirujuk oleh pekerja berhubung dengan tingkah laku sewajarnya sebelum mengambil apa-apa tindakan:
 - a. Penyelia atasan terdekat
 - b. Ketua Jabatan masing-masing
 - c. Ketua Unit Perniagaan masing-masing
 - d. Ketua Bahagian Sumber Manusia (“Ketua HR”)
 - e. Ketua Jabatan Pematuhan Korporat & Risiko (“Ketua CC&R”)

- viii. Untuk para pengarah, Jabatan Perkhidmatan Korporat (“Perkhidmatan Korporat”) hendaklah dirujuk sekiranya terdapat sebarang keraguan berkaitan tingkah laku yang sewajarnya sebelum mengambil sebarang tindakan. COBC mestilah dirujuk sekiranya sebarang tindakan lanjut diperlukan.
- ix. Kumpulan Deleum berhak untuk meminda, menyemak atau mengecualikan mana-mana peruntukan di bawah COBC ini dari semasa ke semasa mengikut budi bicara Kumpulan. Sebarang pindaan, semakan atau pengecualian mana-mana peruntukan yang dibuat dari semasa ke semasa hendaklah dibaca bersama dan menjadi sebahagian daripada COBC.

2. STANDARD KELAKUAN

- i. Segala aktiviti yang dijalankan mestilah sentiasa mengambil kira kepentingan terbaik Kumpulan Deleum. Untuk tujuan itu, semua pengarah, pegawai dan pekerja mesti bersikap proaktif dan bertanggungjawab melaksanakan tugas mereka dalam segala urusan Kumpulan dan sentiasa bertindak demi kepentingan terbaik Kumpulan.
- ii. Semua pengarah, pegawai dan pekerja mesti mematuhi dan akur dengan peruntukan yang termaktub dalam COBC pada setiap masa.

3. PEMATUHAN UNDANG-UNDANG DAN DASAR, PROSEDUR, GARIS PANDUAN DAN PERATURAN

- i. Semua aktiviti yang dijalankan oleh Kumpulan Deleum mestilah sentiasa mengikut keperluan undang-undang dan selaras dengan:
 - a. semua undang-undang dan peraturan domestik dan asing yang berkenaan seperti undang-undang jenayah, undang-undang antisogokan, antirasuah, antipengubahan wang haram dan antikeganasan;
 - b. semua undang-undang dan peraturan yang perlu dipatuhi oleh Kumpulan Deleum untuk operasinya di luar Malaysia, termasuk tetapi tidak terhad kepada undang-undang pekerjaan, sekatan ekonomi, undang-undang persaingan dan antimonopoli, undang-undang perdagangan antarabangsa, alam sekitar, import eksport, kesihatan, tenaga kerja, keselamatan dan sekuriti; dan
 - c. semua dasar, garis panduan, prinsip am perniagaan dan kod etika sebagaimana yang mungkin diperlukan oleh Pihak Ketiga.
- ii. Pada setiap masa, semua pengarah, pegawai dan pekerja mesti mematuhi segala dasar, prosedur dan garis panduan yang berkuat kuasa serta undang-undang dan peraturan yang berkenaan sebagaimana dinyatakan dalam Klausula 3 (i) di atas. Sekiranya undang-undang dan peraturan yang dinyatakan di atas bercanggah dengan COBC ini, maka kod etika, undang-undang atau peraturan yang lebih ketat hendaklah diguna pakai; dan
- iii. Para pengarah, pegawai dan pekerja boleh merujuk kepada Jabatan Undang-undang (“Undang-undang”) sekiranya mereka mempunyai sebarang soalan mengenai undang-undang atau peraturan berkenaan.

4. NILAI-NILAI TERAS DAN ETIKA PERNIAGAAN

4.1. INTEGRITI

4.1.1. ANTISOGOKAN DAN ANTIRASUAH

- i. Kumpulan Deleum komited untuk mematuhi undang-undang antisogokan dan antirasuah yang diguna pakai dalam operasinya, termasuk tetapi tidak terhad kepada Akta Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia 2009, Akta Amalan Rasuah Asing A.S. dan Akta Rasuah UK 2010. Komitmen tersebut telah diterjemahkan ke dalam penubuhan dan pelaksanaan Dasar Antirasuah dan Antisogokan (Anti-Bribery & Corruption atau “ABC”) (“Dasar ABC”).
- ii. Sogokan adalah sesuatu yang bernilai dan tidak terhad kepada wang, termasuk tetapi tidak terhad kepada komisen yang boleh disyaki sebagai-rasuah atau disyaki akan digunakan oleh penerima untuk membayar sogokan atau untuk tujuan rasuah dan pembayaran pemudahan yang lain (‘pembayaran gris’) yang dianggap sebagai bayaran kepada pegawai kerajaan untuk mendapatkan akses, menjamin atau mempercepatkan pelaksanaan fungsi rutin yang wajib mereka lakukan dalam apa jua keadaan, hadiah, dorongan, pertolongan atau hiburan yang boleh dilihat oleh orang lain sebagai cubaan untuk mempengaruhi tindakan atau keputusan sesuatu pihak, mendapatkan atau mengekalkan perniagaan, atau memperoleh apa-apa jenis kelebihan yang tidak wajar.
- iii. Rasuah adalah sebarang tingkah laku yang menyalahi undang-undang atau tidak wajar yang bertujuan untuk mendapatkan kelebihan melalui cara yang tidak sah. Menurut Dasar ABC, rasuah ditakrifkan secara khususnya oleh Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia sebagai apa-apa salah laku memberi atau menerima suapan. Rasuah boleh termasuk tetapi tidak terhad kepada tindakan memberi atau menerima suapan atau hadiah yang tidak wajar, perjanjian khianat, transaksi tersembunyi, manipulasi pilihan raya, dorongan, penyelewengan dana, pengubahan wang haram dan penipuan pelabur.
- iv. Di bawah undang-undang dan dasar ini, semua pengarah, pegawai dan pekerja dilarang daripada menawarkan atau menerima rasuah kepada atau daripada mana-mana pegawai kerajaan atau pegawai badan awam atau Pihak Ketiga untuk mendapatkan atau memberikan sebarang kontrak, mengekalkan perniagaan atau memberi peluang perniagaan kepada mana-mana individu atau mengambil kesempatan yang tidak wajar.
- v. Semua pengarah, pegawai dan pekerja dilarang daripada terlibat dalam amalan rasuah ketika berurusan dengan pegawai kerajaan atau pegawai badan awam atau Pihak Ketiga. Adalah menjadi satu kesalahan untuk membuat atau menawarkan bayaran, hadiah atau faedah lain kepada mana-mana pegawai kerajaan atau pegawai badan awam atau Pihak Ketiga bagi mendorong layanan baik terhadap sesuatu perniagaan.

- vi. Semua pengarah, pegawai dan pekerja juga mesti mengelak daripada sebarang aktiviti atau tingkah laku yang boleh menimbulkan persepsi atau syak wasangka terhadap sebarang perlakuan rasuah atau cubaan untuk melakukannya. Menjanjikan, menawarkan, memberi atau menerima apa-apa kelebihan yang tidak wajar bagi mempengaruhi keputusan penerima atau untuk dipengaruhi dengan cara yang sedemikian bukan sahaja boleh mengakibatkan tindakan tatatertib tetapi juga tuduhan jenayah.
- vii. Jika mana-mana pekerja atau Pihak Ketiga berhadapan dengan permintaan atau tawaran sogokan daripada mana-mana pihak, ia mesti dilaporkan dengan segera kepada mana-mana pihak di bawah untuk tindakan selanjutnya:
 - a. Penyelia atasan terdekat
 - b. Ketua Jabatan masing-masing
 - c. Pihak Pengurusan Kanan
 - d. Ketua CC&R

Rujukan: Dasar Antisogokan dan Antirasuah

4.1.2. HADIAH DAN HOSPITALITI

- i. Dalam urusan niaga perniagaan, Kumpulan menyedari kepentingan semangat muhibah dan membina hubungan mesra melalui hadiah dan hospitaliti. Walaupun amalan sedemikian dibenarkan, had-had batasan telah ditetapkan melalui Prosedur Hadiah, Hospitaliti, Derma dan Tajaan (“GHDS”) bagi mengelakkan amalan rasuah yang terselindung, atau menghalang persepsi atau syak wasangka mengenai sebarang tindakan rasuah atau cubaan untuk melakukan rasuah.
- ii. Dalam apa jua keadaan, pekerja atau pengarah Kumpulan Deleum tidak boleh menawarkan, memberi, menerima atau meminta sebarang hadiah atau hospitaliti daripada mana-mana pihak ketiga yang mempunyai atau mungkin mempunyai kepentingan perniagaan dengan Kumpulan Deleum.
- iii. Hadiah dan hospitaliti yang diberikan atau diterima mesti mematuhi undang-undang negara yang berkuat kuasa, Dasar ABC Kumpulan Deleum, serta dasar, prosedur dan garis panduan yang berkaitan.
- iv. Para pengarah dan pekerja hendaklah mengisytiharkan sebarang hadiah atau hospitaliti yang ditawarkan kepada mana-mana pegawai kerajaan, atau pegawai badan awam atau Pihak Ketiga menurut peruntukan dalam Dasar dan Prosedur GHDS Kumpulan Deleum.
- v. Para pengarah dan pekerja hendaklah mengisytiharkan penerimaan hadiah atau hospitaliti daripada mana-mana pegawai kerajaan, pegawai badan awam atau Pihak Ketiga menurut peruntukan dalam Dasar dan Prosedur GHDS Kumpulan.

Rujukan: Prosedur Hadiah, Hospitaliti, Derma dan Tajaan

4.1.3. DERMA DAN TAJAAN

- i. Kumpulan berkomited mendukung prinsip “tanggungjawab korporat” dan juga komited untuk memberi tajaan dan derma bagi memperlihatkan “warga korporat yang bertanggungjawab” kepada komuniti di sekitar kawasan Kumpulan beroperasi.
- ii. Kumpulan Deleum melarang penggunaan derma dan tajaan sebagai skim atau cara perlakuan rasuah yang terselindung bagi mempengaruhi hasil perniagaan atau keputusan yang menguntungkan pihak tertentu.
- iii. Para pengarah dan pekerja mesti memastikan agar semua derma dan tajaan pihak Kumpulan diberikan melalui saluran yang sah dan betul. Langkah-langkah teliti mesti diambil bagi memastikan badan amal atau organisasi tajaan di pihak penerima adalah badan yang sah dan mampu menguruskan dana tersebut dengan betul.
- iv. Derma dan tajaan, dalam bentuk tunai mahupun dalam bentuk barangan yang ditawarkan oleh Kumpulan, mestilah dilakukan mengikut undang-undang negara yang berkenaan, Dasar ABC Kumpulan, dan Dasar dan Prosedur GHDS.
- v. Semua Pengarah dan pekerja mesti mendapatkan kelulusan terlebih dahulu mengikut prosedur yang ditetapkan sebelum membuat derma atau tajaan bagi pihak Kumpulan. Sumbangan dan tajaan yang diluluskan hendaklah dibuat secara telus dan direkodkan dengan tepat. Semua permintaan untuk derma dan tajaan yang diterima oleh Pengarah mesti dirujuk kepada Jawatankuasa Khas.

Rujukan: Prosedur Hadiah, Hospitaliti, Derma dan Tajaan

4.1.4. PEMILIHAN, PENGLIBATAN, DAN PENGURUSAN PIHAK KETIGA

- i. Pada setiap masa, apa-apa transaksi komersial di antara Kumpulan Deleum dan mana-mana Pihak Ketiga yang bakal dilantik atau yang sedia ada hendaklah dilakukan dengan mematuhi undang-undang dan peraturan yang berkuat kuasa serta dasar dan prosedur Kumpulan, dan selaras dengan nilai-nilai teras, prinsip dan kepentingan terbaik Kumpulan.
- ii. Penilaian Usaha Wajar dan pemantauan berterusan ke atas pihak Ketiga yang berpotensi dan juga sedia ada hendaklah dilakukan oleh entiti masing-masing dalam Kumpulan Deleum mengikut keperluan Garis Panduan Pengurusan Antisogokan dan Antirasuah Pihak Ketiga.
- iii. Semua keputusan perolehan hendaklah dibuat semata-mata demi kepentingan terbaik Kumpulan dan dengan mematuhi dasar dan prosedur Perolehan Kumpulan. Bayaran yang dibuat hendaklah sepadan dengan perkhidmatan atau produk yang disediakan.

Rujukan: Garis Panduan Antisogokan dan Antirasuah Pihak Ketiga

4.1.5. INTEGRITI DAN PROSEDUR KEWANGAN SERTA KAWALAN DALAMAN

- i. Kumpulan hendaklah membuat dan menyimpan buku, rekod dan akaun terperinci yang menunjukkan semua transaksi, termasuk semua perbelanjaan, invois, laporan perbelanjaan, resit, pembayaran, baucar dan penggunaan lain untuk wang dan aset yang mematuhi standard perakaunan dan dasar-dasar berikut:
 - a. Piawaian Laporan Kewangan Malaysia
 - b. Piawaian Laporan Kewangan Antarabangsa
 - c. Akta Syarikat 2016
 - d. Keperluan Penyenaraian untuk Pasaran Utama Bursa Malaysia Securities Berhad
- ii. Semua pengarah dan pekerja mesti mematuhi semua dasar kewangan yang ditetapkan dan prosedur Kumpulan Deleum demi menjaga integriti dan ketepatan laporan kewangan Kumpulan.
- iii. Sebarang cubaan atau tindakan yang mungkin atau boleh menjejaskan integriti dan ketepatan laporan kewangan Kumpulan adalah dilarang sama sekali. Berikut ialah senarai cubaan atau tindakan yang dilarang itu, namun harus diingat bahawa ini bukanlah senarai menyeluruh:
 - a. Menyembunyikan, mengubah, memusnahkan atau meminda rekod atau dokumen Kumpulan selain yang perlu dilakukan mengikut tetapan prosedur biasa, dan dalam apa jua keadaan tidak menghalang atau menggagalkan sesuatu siasatan atau audit, atau menyembunyikan atau tersilap menyatakan maklumat;
 - b. Sengaja membuat catatan palsu atau mengelirukan dalam rekod, laporan, fail atau tuntutan;
 - c. Menubuhkan akaun atau syarikat atau membuat perjanjian untuk memintasi atau menggagalkan kawalan, dasar atau prosedur Kumpulan;
 - d. Gagal untuk bekerjasama dengan jujur dan sepenuhnya dengan pihak audit dalaman dan luaran yang diluluskan oleh Kumpulan; dan
 - e. Terlibat dalam apa-apa rancangan untuk menipu wang, harta atau perkhidmatan yang jujur daripada sesiapa sahaja.
- iv. Kumpulan Deleum juga hendaklah mengekalkan sistem kawalan dalaman untuk mencerminkan secara munasabah ketepatan semua transaksi dan penggunaan aset Kumpulan bagi memastikan transaksi dan penggunaan tersebut dilaksanakan mengikut kebenaran khusus atau am sepertimana yang termaktub dalam dasar dan prosedur semasa.

4.1.6. AKTIVITI POLITIK

- i. Kumpulan Deleum adalah syarikat yang tidak berpolitik.
- ii. Deleum mengiktiraf hak pekerjaannya sebagai warganegara untuk mengambil bahagian dan terlibat dalam aktiviti politik yang sah. Walau bagaimanapun, untuk mengekalkan pendirian Kumpulan Deleum sebagai organisasi yang tidak terlibat dengan kegiatan politik dan untuk mengelakkan daripada dikaitkan dengan mana-mana parti politik, pekerja dan pengarah yang ingin terlibat dengan kegiatan politik dikehendaki melakukannya di luar waktu pejabat atau mengambil cuti tahunan mereka untuk perkara tersebut.

- iii. Pekerja boleh mengambil bahagian sebagai individu berasingan dalam proses politik atas kerelaan, kesanggupan, masa dan sumber mereka sendiri. Pendapat politik adalah pandangan peribadi individu dan tidak boleh dilakukan dengan mewakili Syarikat.
- iv. Kemudahan, peralatan dan sumber yang dimiliki oleh Kumpulan adalah dilarang daripada digunakan, dalam sebarang bentuk, untuk atau berkaitan dengan sebarang kempen politik atau aktiviti parti politik.
- v. Derma dan tajaan, dalam apa jua bentuk, yang ditawarkan oleh atau bagi pihak Kumpulan kepada mana-mana parti politik adalah dilarang sama sekali.

4.1.7. PENCEGAHAN PENGUBAHAN WANG HARAM DAN PENCEGAHAN KEGANASAN

- i. Kumpulan Deleum komited untuk mematuhi Akta Pencegahan Pengubahan Wang Haram, Pencegahan Pembiayaan Keganasan dan Hasil Daripada Aktiviti Haram 2001 (“AMLA”) dalam memerangi kegiatan pengubahan wang haram dan pembiayaan keganasan.
- ii. Pengubahan wang haram ialah proses menyembunyikan sifat sebenar atau sumber dana yang diperoleh secara haram dengan menyalurkannya ke dalam urusan perniagaan yang sah melalui deposit bank, pelaburan, atau pemindahan dari satu tempat (atau orang) ke tempat lain.
- iii. Peruntukan pencegahan pengubahan wang haram disediakan untuk membantu menghalang perniagaan yang sah daripada digunakan oleh penjenayah bagi tujuan ini, dan untuk membantu agensi penguatkuasaan undang-undang mengesan dan mendapatkan semula aset jenayah dan pembiayaan penganas.
- iv. Pembiayaan keganasan ialah pemberian dana atau sokongan kewangan, yang dibiayai sama ada daripada sumber yang sah atau tidak sah, kepada penganas atau organisasi penganas bagi membolehkan mereka melakukan tindakan keganasan atau yang akan membawa manfaat kepada mana-mana penganas atau organisasi penganas.
- v. Kumpulan Deleum, para pengarah dan pekerjanya tidak dibenarkan terlibat dalam mana-mana transaksi kewangan melibatkan harta atau dana yang mendorong aktiviti jenayah atau yang merupakan hasil daripada aktiviti jenayah, termasuk menyeleweng, menyembunyikan, menerima atau menggunakan hasil daripada kegiatan jenayah tersebut.
- vi. Kumpulan Deleum, para pengarah dan pekerjanya juga tidak dibenarkan membiayai, menaja, menyediakan atau membantu mana-mana orang, aktiviti atau organisasi penganas, atau mana-mana aktiviti atau organisasi yang dikenal pasti sebagai orang, aktiviti atau organisasi penganas.
- vii. Penilaian Usaha Wajar Pelanggan dan pemantauan berterusan hendaklah dijalankan untuk memahami dan menilai risiko pengubahan wang haram dan pembiayaan keganasan yang berpotensi berlaku hasil daripada hubungan dan transaksi perniagaan dengan pelanggan.

- viii. Apa-apa transaksi yang mencurigakan hendaklah dilaporkan kepada Jabatan Undang-undang untuk semakan, penilaian dan perbincangan lanjut dengan Jawatankuasa Audit. Aktiviti-aktiviti ini mungkin termasuk, tetapi tidak terhad kepada yang berikut:
- a. Pembayaran dibuat dalam mata wang yang berbeza daripada invois;
 - b. Cubaan untuk membuat pembayaran secara tunai atau setara tunai (di luar amalan perniagaan biasa);
 - c. Pembayaran dibuat oleh pihak ketiga yang bukan merupakan pihak-pihak dalam kontrak; dan
 - d. Pembayaran kepada atau akaun pihak ketiga yang bukan atas nama pihak-pihak dalam kontrak.

Rujukan: Garis Panduan Pencegahan Pengubahan Wang Haram dan Pencegahan Pembiayaan Keganasan (AML-CFT)

4.1.8. KONFLIK KEPENTINGAN

- i. Para pengarah dan pekerja mestilah sentiasa bertindak demi kepentingan terbaik Kumpulan dan tidak boleh terlibat dalam sebarang aktiviti di mana kepentingan peribadi mereka bercanggah dengan kepentingan perniagaan Kumpulan Deleum atau pelaksanaan tugas mereka.
- ii. Konflik kepentingan berlaku apabila pengarah atau pekerja mempunyai kepentingan peribadi yang dilihat berpotensi mengganggu komitmen mereka dalam melaksanakan tugas atau membuat keputusan bagi pihak Kumpulan Deleum. Kedudukan dalam Kumpulan, waktu bekerja rasmi, sumber dan aset Kumpulan tidak boleh digunakan untuk kepentingan peribadi atau untuk kelebihan pihak-pihak yang terbabit.
- iii. Para pengarah dan pekerja tidak boleh bersaing dengan Kumpulan Deleum dan tidak boleh menggunakan sebarang kedudukan atau pengaruh atau maklumat, aset atau sumber syarikat untuk sebarang kepentingan peribadi atau memberi kelebihan yang tidak wajar kepada pihak-pihak yang terbabit.
- iv. Semua pengarah dan pekerja hendaklah mendedahkan dan mengisytiharkan kepentingan mereka kepada Jabatan Perkhidmatan Korporat dan Sumber Manusia Kumpulan Deleum setiap tahun dan sebaik sahaja terdapat sebarang perubahan kepentingan.
- v. Apa-apa konflik kepentingan yang sebenar, yang disyaki atau berpotensi berlaku hendaklah didedahkan dan diisytiharkan oleh pengarah dan pekerja dengan secepat mungkin apabila ia berlaku.
- vi. Pelanggaran Garis Panduan Konflik Kepentingan, seperti yang dinyatakan di bawah, tetapi ini bukanlah senarai yang menyeluruh, merupakan salah laku serius atau kesalahan yang perlu diambil tindakan tatatertib, termasuk pemecatan kerja pihak yang bersalah:
 - a. Kegagalan untuk mendedahkan konflik kepentingan dengan segera melalui kaedah yang bersesuaian;
 - b. Sengaja membuat catatan palsu atau mengelirukan dalam rekod, laporan, fail atau tuntutan;

- c. Kegagalan untuk memberikan maklumat yang lengkap dan tepat tentang konflik kepentingan; dan
- d. Kegagalan untuk mematuhi prosedur bagi mengurus dan menyelesaikan konflik tersebut.

Rujukan: Garis Panduan Konflik Kepentingan (COI)

4.1.9. ASET KORPORAT

- i. Aset Korporat merujuk kepada mana-mana aset, sama ada dalam bentuk ketara mahupun tidak ketara, yang dimiliki atau dipajak oleh Kumpulan Deleum untuk memudahkan dan menyokong objektif dan operasi perniagaan Kumpulan.
- ii. Aset korporat hendaklah dilindungi daripada pembaziran, kehilangan, kerosakan, penyalahgunaan, perbuatan khianat, kecurian, penyelewengan pecah amanah atau pelanggaran hak Harta Intelek dan diuruskan mengikut amalan industri standard. Oleh itu, pekerja hendaklah melaksanakan peranan dan tanggungjawab berikut:
 - a. Menggunakan aset korporat apabila mendapat kebenaran dan mengikut tujuan yang disasarkan, menurut peraturan, dasar, standard, proses dan prosedur luaran dan dalaman yang diguna pakai;
 - b. Melaksanakan penjagaan yang sewajarnya ke atas aset korporat, termasuk mewujudkan dasar, prosedur dan garis panduan sebagaimana perlu yang mematuhi amalan industri standard;
 - c. Melaksanakan langkah-langkah perlindungan yang diperlukan untuk aset korporat bagi mengelakkan kehilangan, kerosakan, pembaziran, penyelewengan dan penyalahgunaan dalam apa jua bentuk, sama ada yang disengajakan atau tidak, dan
 - d. Mengambil tindakan yang perlu, mengikut peraturan dan juga dasar, standard, proses dan prosedur luaran atau dalaman yang tertentu sekiranya sesuatu aset korporat berada dalam keadaan yang tidak boleh diterima.

4.1.10. MAKLUMAT SULIT

- i. Maklumat Sulit merangkumi, tetapi tidak terhad kepada, maklumat proprietari berkaitan perniagaan dan pembiayaan Kumpulan serta urusan niaga dan transaksinya, rahsia perdagangan, teknologi, maklumat kewangan, maklumat kontrak dan tender, data teknikal, paten, pengetahuan dan hubungan dan seumpamanya yang berkaitan dengan semua syarikat sekutu Kumpulan Deleum, pembekal, prinsipal, rakan kongsi, pelanggan, dan mana-mana pihak lain yang berurusan dengan Kumpulan Deleum.
- ii. Maklumat Sulit ialah aset berharga bagi Kumpulan dan tidak boleh disampaikan atau didedahkan dalam apa jua cara kepada pesaing, pelanggan, pihak yang terlibat dalam mana-mana aspek industri sekuriti, ahli persatuan perdagangan atau pihak ketiga lain, melainkan komunikasi atau pendedahan tersebut dibenarkan oleh Kumpulan Deleum.

- iii. Sebarang penggunaan atau pendedahan Maklumat Sulit Kumpulan Deleum dengan cara yang menyalahi undang-undang atau yang tidak dibenarkan boleh mengakibatkan kerugian dan/atau kemusnahan yang tidak dapat dipulihkan kepada Kumpulan dan menyebabkan kemudaratan yang ketara terhadap perniagaan Kumpulan. Dalam kes sedemikian, Kumpulan Deleum boleh memulakan prosiding sivil dan jenayah terhadap pihak yang bersalah.
- iv. Kumpulan Deleum meletakkan kepercayaan kepada semua pekerja untuk mengendalikan Maklumat Sulit atau maklumat sensitif lain dengan berhati-hati dan penuh bertanggungjawab. Oleh itu, semua pekerja hendaklah melaksanakan peranan dan tanggungjawab berikut:
 - a. Menggunakan maklumat sulit seperti yang dibenarkan oleh Kumpulan atau pemilik maklumat itu ketika menjalankan tugas mereka terhadap Kumpulan atau seperti yang dikehendaki oleh undang-undang dan peraturan yang berkenaan;
 - b. Mengambil langkah-langkah keselamatan yang perlu untuk menghalang pendedahan atau akses yang tidak dibenarkan kepada maklumat sulit, sama ada dengan sepenuhnya atau sebahagiannya, kepada pihak yang tidak dibenarkan, sama ada secara langsung atau tidak langsung; dan
 - c. Mengambil tindakan yang diperlukan, selaras dengan peraturan dan dasar, standard, proses dan prosedur luaran atau dalaman masing-masing, sekiranya maklumat sulit didedahkan tanpa sebarang kelulusan.

4.1.11. HARTA INTELEK

- i. Harta Intelek merangkumi mana-mana reka bentuk, simbol, nama, imej yang digunakan, paten, tanda dagangan, hak cipta atau aset tidak ketara lain yang dicipta untuk Kumpulan Deleum. Semua pekerja, kontraktor, subkontraktor, ejen, perunding atau penyedia perkhidmatan lain mesti mematuhi semua undang-undang, peraturan dan kewajipan kontrak berhubung dengan hak harta intelek yang sah untuk Kumpulan dan pihak lain, termasuk paten, hak cipta, rahsia perdagangan dan maklumat proprietari yang lain.
- ii. Harta Intelek hendaklah dilindungi daripada kehilangan, kerosakan, penyalahgunaan, kecurian, penipuan dan diuruskan mengikut amalan industri standard. Oleh itu, semua pekerja hendaklah melaksanakan peranan dan tanggungjawab berikut:
 - a. Menggunakan harta intelek setelah mendapat kebenaran dan mengikut tujuan reka bentuknya, serta selaras dengan peraturan, dasar dalaman dan luaran, standard, proses dan prosedur yang diguna pakai;
 - b. Melakukan penjagaan yang sewajarnya ke atas harta intelek, termasuk mewujudkan dasar, prosedur dan garis panduan sebagaimana perlu yang mematuhi amalan industri standard;
 - c. Mengambil langkah-langkah keselamatan yang perlu terhadap harta intelek untuk mengelakkan sebarang bentuk kehilangan, kerosakan, penyelewengan dan penyalahgunaan, sama ada secara sedar atau tidak; dan
 - d. Mengambil tindakan yang diperlukan mengikut peraturan dan dasar luaran atau dalaman, standard, proses dan prosedur sekiranya harta intelek dicabuli.

4.1.12. PRIVASI DAN PERLINDUNGAN DATA

- i. Selaras dengan keperluan undang-undang tempatan, Kumpulan Deleum melindungi data peribadi dan/atau data sensitif peribadi pekerjaannya dan pihak ketiga. Data peribadi dan/atau data peribadi sensitif mempunyai maksud yang sama seperti yang termaktub dalam Akta Perlindungan Data Peribadi 2010 (“Akta PDPA”).
- ii. Semua pekerja yang mempunyai akses kepada data peribadi dan/atau data peribadi sensitif mesti mematuhi keperluan Akta PDPA.
- iii. Kumpulan Deleum telah menubuhkan jawatankuasa PDPA dan melantik Pegawai Pematuhan untuk memantau dan melaporkan pematuhan terhadap Akta PDPA. Notis mengenai data peribadi dan/atau data peribadi sensitif telah diedarkan kepada para pekerja Kumpulan dan individu yang terlibat dengan Kumpulan.

Rujukan: Dasar Perlindungan Data Peribadi

4.1.13. ANTIPERSAINGAN

- i. Kumpulan Deleum komited untuk mematuhi Akta Persaingan 2010 (“CA 2010”) dalam menyelia dan mengawal tingkah laku antipersaingan, justeru memastikan persaingan yang bebas dan adil dalam pasaran. Menurut CA 2010, semua pekerja dilarang melakukan perkara berikut:
 - a. Memulakan atau mengambil bahagian dalam sebarang bentuk perjanjian antipersaingan, sama ada melalui perjanjian menegak atau mendatar, yang boleh menghalang, menyekat atau mengganggu persaingan dengan ketara dalam mana-mana pasaran barang atau perkhidmatan;
 - b. Memulakan atau mengambil bahagian dalam sebarang bentuk tingkah laku, sama ada secara bebas atau kolektif, yang mengakibatkan penyalahgunaan posisi dominan dalam mana-mana pasaran barang dan perkhidmatan; dan
 - c. Melaksanakan strategi untuk mengetepikan pesaing daripada pasaran melalui cara yang menyalahi undang-undang, seperti tetapi tidak terhad kepada penggabungan antipersaingan atau penetapan harga (harga pemangsa).

Rujukan: Akta Persaingan 2010

4.1.14. PENDEDAHAN AWAM

- i. Kumpulan Deleum komited untuk mendedahkan maklumat penting berkaitan prestasi dan operasi Kumpulan dengan cara yang betul, jelas, tepat pada masanya dan lengkap, serta memastikan akses yang saksama kepada maklumat tersebut bagi membolehkan orang ramai yang melabur membuat keputusan yang termaklum dan teratur. Oleh itu, Dasar Pendedahan Korporat telah diwujudkan untuk memenuhi komitmen ini.

- ii. Para pekerja tidak dibenarkan sama ada secara lisan atau bertulis atau dalam sebarang bentuk (termasuk di laman web media sosial seperti Twitter, Facebook, Instagram dan lain-lain) membuat atau mengedarkan apa-apa kenyataan umum mengenai dasar, keputusan, langkah-langkah atau kerja yang dijalankan oleh Kumpulan, melainkan pekerja yang dilantik atau diberi kebenaran untuk membuat kenyataan itu bagi pihak Kumpulan Deleum.

Rujukan: Dasar Pendedahan Korporat

4.1.15. KEWAJIPAN MEMBUAT PENDEDAHAN

- i. Semua pekerja mesti melaporkan sebarang tingkah laku yang meragukan, menyalahi undang-undang, tidak beretika atau tindakan tidak wajar yang disadari semasa menjalankan kerja dan urusan perniagaan.
- ii. Sebarang pelanggaran COBC mesti dilaporkan kepada pihak-pihak berikut, selaras dengan prosedur COBC:
 - a. Penyelia atasan terdekat
 - b. Ketua Jabatan masing-masing
 - c. Pihak Pengurusan Kanan
 - d. Ketua HR
 - e. Ketua CC&R
- iii. Para pekerja juga mesti mendedahkan sebarang salah laku yang disyaki atau dituduh menggunakan prosedur yang diperuntukkan dalam Dasar & Prosedur Pemberian Maklumat Kumpulan.
- iv. Kumpulan Deleum tidak akan bertolak ansur dengan sebarang tindakan balas terhadap sesiapa yang membuat laporan dengan niat yang baik. Tindakan yang sewajarnya akan diambil terhadap pekerja yang membuat aduan dengan niat tidak baik mengikut Dasar & Prosedur Pemberian Maklumat Kumpulan.

Rujukan: Dasar & Prosedur Pemberian Maklumat

(Ruang selebihnya pada halaman ini sengaja dibiarkan kosong)

4.2. PROFESIONALISME

4.2.1. HAK ASASI MANUSIA

- i. Kumpulan Deleum menyokong tiga puluh (30) hak asasi manusia yang disenaraikan dalam Perisytiharan Hak Asasi Manusia Sejagat (“UDHR”) dan menghormati kedaulatan kerajaan di seluruh dunia. Kumpulan Deleum percaya bahawa tanggungjawab utama kerajaan tempatan adalah untuk menjaga dan melindungi hak asasi manusia warganegara mereka.
- ii. Selaras dengan sokongannya terhadap hak asasi manusia, Kumpulan menerapkan amalan berikut dalam semua perniagaan dan operasinya di semua lokasi:
 - a. Larangan terhadap sebarang bentuk diskriminasi dan gangguan;
 - b. Pengambilan dan pemilihan pekerja dijalankan secara objektif dan memberi tumpuan pada kesesuaian pemohon untuk sesuatu pekerjaan dan keupayaannya untuk memenuhi keperluan kerja;
 - c. Peluang untuk kenaikan pangkat dan latihan dimaklumkan dan tersedia kepada semua pekerja secara adil dan saksama; dan
 - d. Dasar-dasar Kumpulan termasuk pampasan, faedah dan perkara lain yang berkaitan dengan kontrak pekerjaan disusun dan diaplikasikan tanpa sebarang diskriminasi dan adalah berdasarkan pada dasar meritokrasi.

Rujukan: Dasar Peluang Sama Rata

4.2.2. GANGGUAN

- i. Kumpulan Deleum tidak akan bertolak ansur terhadap sebarang bentuk gangguan. Tindakan atau tingkah laku ini termasuk komen yang menghina berdasarkan jantina, ciri-ciri bangsa atau etnik, dan perlakuan berbentuk seksual yang tidak diingini, penyebaran khabar angin yang berniat jahat atau penggunaan e-mel, mel suara dan bentuk saluran komunikasi lain untuk menghantar bahan yang menjatuhkan maruah atau mendiskriminasi.
- ii. Gangguan adalah sebarang tingkah laku tidak sesuai yang mempunyai tujuan atau kesan seperti berikut:
 - a. Kenyataan yang menghina atau memperkecilkan;
 - b. Jenaka dan komen yang tidak sesuai;
 - c. Memaparkan gambar, kartun atau bahan lain yang tidak sesuai;
 - d. Gangguan seksual, sentuhan yang menjelikkan, komen mengenai tingkah laku seksual orang lain; dan
 - e. Ancaman atau paksaan seperti kenyataan atau tindakan yang berniat jahat, bermusuhan dan menakut-nakutkan.

Rujukan: Dasar Peluang Sama Rata

4.3. KELESTARIAN

4.3.1. KESIHATAN, KESELAMATAN DAN ALAM SEKITAR

- i. Kumpulan Deleum menyedari kepentingan Kesihatan, Keselamatan dan Alam Sekitar dan mengiktiraf nilai dan pentingnya untuk melaksanakan proses keselamatan serta memupuk budaya keselamatan yang kukuh.
- ii. Semua pekerja dan Pihak Ketiga Kumpulan bertanggungjawab secara kolektif untuk memacu kecemerlangan Kesihatan, Keselamatan dan Alam Sekitar dengan mematuhi 10 Peraturan Keselamatan Nyawa Deleum yang meliputi perkara berikut:
 - a. Permit kerja selamat yang sah.
 - b. Pengasingan sumber tenaga.
 - c. Pintasan sistem.
 - d. Memasuki ruang terkurung.
 - e. Menjauhi potensi bahaya.
 - f. Peralatan Pelindung Diri (“PPE”).
 - g. Membuat penilaian risiko.
 - h. Mengikuti pelan pengurusan perjalanan yang ditetapkan.
 - i. Peranti bimbit/mudah alih.
 - j. Merokok dan sumber pencucuhan.
- iii. Semua pekerja dan Pihak Ketiga Kumpulan Deleum dikehendaki mematuhi sepenuhnya langkah-langkah keselamatan yang terkandung dalam dasar keselamatan Kumpulan, prinsipal, rakan kongsi atau pelanggan.

Rujukan: Dasar Kesihatan, Keselamatan & Alam Sekitar & Peraturan Keselamatan Nyawa

4.3.2. DASAR PENYALAHGUNAAN BAHAN

- i. Selaras dengan Dasar Penyalahgunaan Bahan Deleum, Kumpulan Deleum memberikan komitmen sepenuhnya untuk menyediakan persekitaran kerja yang selamat dan produktif serta bebas daripada penyalahgunaan bahan. Penyalahgunaan bahan bermaksud penggunaan ubat-ubatan yang menyalahi undang-undang, penyalahgunaan ubat-ubatan yang sah atau bahan lain, dan penyalahgunaan alkohol.
- ii. Untuk tujuan ini, semua pekerja Kumpulan tidak dibenarkan untuk menggunakan, memiliki, mengedar atau menjual minuman beralkohol, dadah yang menyalahi undang-undang atau ubat terkawal yang diperoleh tanpa preskripsi, atau penyalahgunaan ubat-ubatan preskripsi yang sah (kecuali ubat-ubatan yang dipreskripsikan oleh pakar perubatan untuk pekerja) semasa menjalankan kerja di mana-mana tempat kerja termasuk di premis pelanggan dan/atau ketika mengendalikan kenderaan atau peralatan Kumpulan Deleum.

- iii. Untuk memastikan dasar ini dipatuhi, Kumpulan Deleum boleh menjalankan ujian dan membuat carian penyalahgunaan bahan atau alkohol tanpa sebarang pengumuman pada bila-bila masa yang difikirkan perlu. Dasar ini adalah selaras dengan keperluan undang-undang dan peraturan berkaitan dengan pemilikan, pembelian, penjualan, pemindahan atau penggunaan alkohol dan dadah.

Rujukan: Dasar Penyalahgunaan Bahan

4.4. KECEMERLANGAN

4.4.1. TANGGUNGJAWAB TERHADAP PELANGGAN DAN PRINSIPAL

- i. Kumpulan berusaha untuk memenuhi keperluan pelanggan demi menjaga kualiti, kebolehpercayaan dan nilai. Untuk mencapai matlamat ini, Kumpulan Deleum akan memastikan agar peruntukan produk dan/atau perkhidmatan mematuhi semua standard kawalan kualiti yang berkenaan, undang-undang dan peraturan yang berkenaan, serta prosedur kawalan dalaman yang berkaitan. Oleh itu, semua pekerja yang berkaitan, kontraktor, subkontraktor, ejen, perunding atau pihak pembekal perkhidmatan lain perlu mematuhi segala spesifikasi kontrak termasuk kod etika perniagaan pelanggan atau prinsipal.

5. PROSES TATATERTIB DAN HUKUMAN

5.1. AKIBAT PELANGGARAN COBC

- i. Kumpulan Deleum memandang serius akan sebarang pelanggaran COBC. Pelanggaran mana-mana bahagian COBC boleh dianggap sebagai salah laku dan mengakibatkan tindakan tatatertib dan/atau hukuman di bawah Dasar Etika dan Tatatertib serta peraturan tertentu sebagaimana yang dianggap sesuai oleh Kumpulan.
- ii. Perbuatan berikut dianggap sebagai salah laku:
 - a. Kegagalan untuk mengekalkan dan mematuhi keperluan kerahsiaan berhubung dengan aktiviti Kumpulan serta maklumat sulit sepanjang tempoh pekerjaan;
 - b. Tidak hadir tanpa cuti atau tanpa sebab yang munasabah;
 - c. Penerbitan maklumat dalam apa jua jenis, sama ada sulit atau sebaliknya, dalam sebarang bentuk, yang diperolehi pekerja sepanjang tempoh pekerjaan dengan Kumpulan, tanpa sebarang kebenaran;
 - d. Penyalahgunaan nama, kepala surat atau alat tulis Kumpulan atau lambang, logo atau tanda dagangan Kumpulan ketika menyediakan Rujukan;
 - e. Membuat pernyataan awam yang tidak dibenarkan;
 - f. Menjalankan sebarang aktiviti di luar Kumpulan dengan mengambil bahagian, sama ada secara langsung atau tidak langsung, dalam aktiviti pengurusan atau aktiviti perniagaan mana-mana entiti tanpa kebenaran bertulis daripada Kumpulan;
 - g. Situasi kewangan yang serius dan memalukan;
 - h. Melakukan sebarang tindakan yang tidak dibenarkan atau dikaitkan dengan tindakan yang menyumbang kepada kerugian Kumpulan; dan
 - i. Pelanggaran mana-mana komponen Kod Etika Perniagaan.
- iii. Tindakan tatatertib yang perlu diambil terhadap sebarang salah laku hendaklah sepadan dengan keterukan kesalahan yang dinyatakan dalam garis panduan dan prosedur Deleum.

Rujukan: Dasar Kelakuan dan Tatatertib

(Ruang selebihnya pada halaman ini sengaja dibiarkan kosong)

6. PENAMBAHBAIKAN BERTERUSAN

6.1. SEMAKAN SEMULA

- i. Pelaksanaan COBC hendaklah disemak dan dilaporkan secara berterusan, disokong oleh dokumentasi dan aktiviti yang berkaitan bagi memastikan budaya COBC kekal berkesan dan mampan.
- ii. COBC hendaklah disemak dan dikemas kini secara berkala atau apabila berlaku salah satu atau gabungan faktor-faktor berikut:
 - a. Semakan Berkala
Sekurang-kurangnya setiap tiga tahun sekali oleh pasukan yang dianggotai oleh Ketua Bahagian Pematuhan & Pengurusan Risiko Korporat.
 - b. Perubahan terhadap keperluan undang-undang dan kawal selia
Sekiranya berlaku perubahan terhadap keperluan undang-undang dan kawal selia yang dianggap penting kepada perniagaan dan/atau operasi Kumpulan.
 - c. Perubahan terhadap dasar dan prosedur yang berkaitan
Sekiranya berlaku perubahan terhadap dasar dan prosedur berkaitan yang dianggap penting kepada perniagaan dan/atau operasi Kumpulan.
 - d. Perubahan dalam organisasi, perniagaan atau operasi
Sekiranya terdapat sebarang perubahan dalam organisasi dan/atau perniagaan dan/atau operasi yang boleh membawa akibat yang ketara terhadap perniagaan dan/atau operasi tersebut.
 - e. Pengajaran
Sekiranya terdapat sebarang pengajaran yang diperoleh daripada insiden dalaman dan luaran.
 - f. Syor daripada Aktiviti Pemeriksaan Jaminan Mutu/Audit
Sekiranya terdapat sebarang syor berikutan aktiviti pemeriksaan jaminan mutu dan/atau audit terhadap COBC oleh pihak dalaman dan/atau luaran yang bebas.

(Ruang selebihnya pada halaman ini sengaja dibiarkan kosong)

PENAFIAN

Isi kandungan pembentangan ini tertakluk pada perubahan tanpa notis, ketepatannya tidak dijamin dan ia mungkin tidak mengandungi segala maklumat penting mengenai Syarikat. Kami tidak bertanggungjawab atau tidak boleh dipertanggungjawabkan ke atas ketepatan atau kesempurnaan pembentangan ini, atau sebarang kesilapan atau kelalaian dalam sebarang maklumat yang terkandung di sini.

Pembentangan ini merangkumi bahan-bahan yang mungkin boleh ditafsirkan sebagai "*pernyataan berpandangan ke hadapan*". Pernyataan sedemikian merupakan ramalan semata-mata berdasarkan keadaan dan andaian munasabah yang hanya sah pada tarikh pernyataan tersebut. Sehubungan itu, mana-mana pihak tidak boleh bergantung pada sebarang *pernyataan berpandangan ke hadapan*, sama ada tersurat atau tersirat, yang terkandung dalam pembentangan ini.

Pernyataan berpandangan ke hadapan melibatkan andaian mengenai pelbagai risiko dan ketidakpastian termasuk, tetapi tidak terhad kepada, aktiviti pembangunan Syarikat, kewujudan pengurusan yang cekap, aktiviti kewangan Syarikat, ekonomi domestik dan global, perubahan terhadap undang-undang dan peraturan yang diguna pakai, proses mendapatkan kelulusan dan aktiviti pasaran saham. Hasil, prestasi dan tahap aktiviti sebenar mungkin berbeza dengan ketara daripada yang dinyatakan atau tersirat dalam mana-mana *pernyataan berpandangan ke hadapan*. Oleh itu, Syarikat tidak memberi jaminan bahawa mana-mana peristiwa yang dijangkakan oleh mana-mana *pernyataan berpandangan ke hadapan* akan benar-benar terjadi, atau tentang hasil atau keputusan sebenar daripada peristiwa tersebut. Di samping itu, Syarikat tidak berjanji bahawa ia akan mengemas kini atau meminda sebarang *pernyataan berpandangan ke hadapan*, tanpa mengira apa yang mungkin berlaku selepas pernyataan tersebut dibuat.

Dalam apa jua keadaan, pembentangan ini tidak boleh diedarkan sama sekali tanpa kebenaran terdahulu daripada pihak pengurusan Syarikat.